

26 Januari 2023
Kenyataan Media

“HUAT” PERIKSA BERSAMA PUSPAKOM PUPUK KESEDARAN TENTANG KESELAMATAN KENDERAAN

- **PUSPAKOM juga akan salurkan bantuan perayaan kepada golongan susah**

Shah Alam, 26 Januari 2024 – Setiap kali menjelang musim perayaan, tiada apa yang lebih penting daripada sampai ke destinasi dengan selamat untuk meraikan perayaan dengan orang yang tersayang. Justeru itu, PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) mengingatkan semua pemilik dan pemandu kenderaan agar memastikan kenderaan mereka berkeadaan baik dengan melakukan pemeriksaan kenderaan. Kenderaan yang berkeadaan baik merupakan permulaan kepada pemanduan yang selamat.

Sempena Tahun Baru Cina yang bakal tiba, PUSPAKOM menawarkan pemeriksaan kenderaan secara percuma di dalam kempen “Huat” Periksa bersama PUSPAKOM. Bermula 26 Januari sehingga 8 Februari. Pemeriksaan percuma ini akan membantu pemilik kenderaan persendirian mengenal pasti tahap keselamatan kenderaan mereka menggunakan peralatan pemeriksaan berkomputer. Pemeriksaan ini akan melibatkan pelbagai komponen kenderaan termasuk brek, suspensi, gelincir sisi, tayar dan lain-lain komponen penting kenderaan.

Pemilik kenderaan boleh mendapatkan pemeriksaan percuma ini dengan mengunjungi mana-mana cawangan PUSPAKOM seluruh negara (kecuali cawangan Shah Alam, Taman Bukit Maluri dan Pasir Gudang) dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Pemeriksaan ini tidak memerlukan janji temu, iaitu kenderaan akan diterima secara *walk-in*.

Selain itu, unit bergerak PUSPAKOM turut dijadualkan untuk menawarkan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan PERCUMA pada tarikh dan lokasi terpilih seperti berikut:

Jadual Unit Bergerak Pemeriksaan Kenderaan Sukarela (VVI) Percuma

No	Lokasi	Tarikh	Masa
1	Lotus’s Bukit Puchong, Selangor	27 Januari 2024	9.00pagi-4.00 petang
2	Multimedia University (MMU), Cyberjaya, Selangor	31 Januari 2024	9.00pagi-4.00 petang
3	Lotus’s Ara Damansara, Selangor	1 Februari 2024	9.00pagi-4.00 petang
4	Multimedia University (MMU), Melaka	8 Februari 2024	9.00pagi-4.00 petang

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman menegaskan pemeriksaan percuma ini adalah salah satu cara PUSPAKOM menenam budaya keselamatan kenderaan dikalangan pengguna kenderaan di Malaysia.

“Tujuan utama kempen ini adalah untuk memupuk kesedaran orang ramai tentang kepentingan keselamatan kenderaan melalui pemeriksaan kenderaan. Ini selaras dengan komitmen PUSPAKOM sebagai pemain penting dalam menyumbang kepada keselamatan jalan raya di Malaysia. Kenderaan yang dijaga dengan baik mampu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di Malaysia,” ujar Mahmood.

Periksa sambil beramal

Semangat sambutan perayaan adalah berkongsi kegembiraan dan kebahagiaan. Sejalan dengan semangat ini dan sempena menyambut ulang tahun PUSPAKOM yang ke-30, PUSPAKOM akan menyalurkan sumbangan sebanyak RM1.88 bagi setiap kenderaan yang menjalankan pemeriksaan percuma kepada badan amal. Ini bermaksud pemilik kenderaan bukan sahaja dapat memastikan tahap keselamatan kenderaan mereka, malah secara tidak langsung turut membantu golongan yang memerlukan bantuan.

Orang ramai boleh mengikuti media sosial Facebook PUSPAKOM Sdn Bhd, Instagram [puspakom_ontheroad](#) atau TikTok [puspakomofficial](#) untuk maklumat terkini berkaitan PUSPAKOM.

#

Gambar



Mahmood Razak Bahman, Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM



Pemeriksa Kenderaan PUSPAKOM sedang menjalankan Pemeriksaan Pelepasan Asap



Unit Bergerak Trak PUSPAKOM menjalankan pemeriksaan kenderaan persendirian

MENGENAI PUSPAKOM

***Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM)** merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.*

Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.

Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar Bandar.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.